

FENO-TG 160 MG TABLETS

Fenofibrate 160 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Feno-TG
2. Bagaimana Feno-TG berfungsi
3. Sebelum menggunakan Feno-TG
4. Cara menggunakan Feno-TG
5. Semasa menggunakan Feno-TG
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Feno-TG
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Feno-TG

FENO-TG digunakan untuk menurunkan paras lemak (lipid) dalam darah. Misalnya lemak yang dikenali sebagai trigliserida. Ubat ini digunakan, di samping diet lemak rendah dan rawatan bukan perubatan seperti senaman dan kehilangan berat badan, ke paras lemak dalam darah yang lebih rendah.

Bagaimana Feno-TG berfungsi

FENO-TG berfungsi melalui pengaktifan reseptor sel nuclear yang disebut peroxisome proliferasi-activated receptor alpha yang mengurangkan kuantiti trigliserida dan kolesterol yang tidak baik yang dihasilkan dalam badan serta menambah kolesterol baik.

Sebelum menggunakan Feno-TG

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Feno-TG jika:

- Anda alergi terhadap FENO-TG atau mana-mana bahannya dan Gemfibrozil .

- Sebelum menggunakan Feno-TG

Maklumkan doktor jika:

- Anda alergi terhadap apa-apa ubat yang lain atau apa-apa benda lain seperti makanan, pengawet atau pewarna
- Anda sedang mengandung atau merancang untuk mengandung, dan sedang menyusui atau merancang untuk menyusui
- Anda sedang mengalami atau pernah mengalami keadaan perubatan yang lain, termasuk: Masalah ginjal dan

sakit otot, kelemutan dan kelemahan yang bukan disebabkan senaman

Kehamilan dan Penyusuan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusui.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini pernah mengambil apa-apa ubat lain, termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

Khususnya, sila beritahu doktor sama ada anda telah mengambil :

- Anti-coagulant untuk mengurangkan densiti darah anda , ubat lain yang digunakan untuk mengawal paras lipid (lemak) dalam darah dan Ciclosporin (immunosuppressant).

Cara menggunakan Feno-TG

Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil FENO-TG 160 mg dengan tepat mengikut apa yang dimaklumkan doktor. Dos biasa untuk dewasa ialah satu tablet FENO-TG 160 mg sehari. Anda harus menyemak dengan doktor jika anda tidak pasti. Tablet harus ditelan dengan air ketika makan.

- Bila perlu digunakan

FENO-TG boleh diambil pada bila-bila masa sepanjang hari. Apa-apa pemakanan diet yang telah bermula sebelum rawatan dengan FENO-TG harus diteruskan. Ambil FENO-TG pada masa yang lebih kurang sama setiap hari. Mengambil tablet pada masa yang sama setiap hari akan mendatangkan kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu anda ingat masa mengambil ubat.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan lupa bahawa untuk fenofibrate berkesan, ia harus diambil secara tetap dan selama dicadangkan doktor,

walaupun tempoh masa ini mungkin sangat panjang. Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dimaklumkan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk mengganti tablet yang terlupa ambil. Ambil dos seterusnya dengan makanan dan kemudian terus mengambil tablet seperti biasa. Jika anda risau , berbicara dengan doktor.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan perhatian perubatan kecemasan jika anda fikir bahawa anda telah menggunakan terlalu banyak ubat ini. Bawa pek ubat bersama dengan anda supaya doktor dapat lihat apa yang telah anda ambil.

Semasa menggunakan Feno-TG

Perkara yang perlu dilakukan

Perkara yang tidak harus anda buat

- Lemak darah anda diperiksa ketika diminta oleh doktor untuk memastikan FENO-TG berfungsi.
- Jika anda mengandung ketika anda sedang mengambil FENO-TG, berhenti mengambilnya dan menghubungi doktor serta merta.
- Jika anda akan bermula mengambil apa-apa ubat baru, maklumkan doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil FENO-TG

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan FENO-TG kepada sesiapa yang lain, walaupun ia berkeadaan yang sama dengan anda, dan jangan gunakan FENO-TG untuk merawat apa-apa penyakit lain kecuali diberitahu doktor .

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau sensitiviti.

FENO-TG

Fenofibrate 160 mg

Elakkan minum arak dalam kuantiti besar yang boleh meningkatkan kemungkinan FENO-TG menyebabkan masalah hati.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Feno-TG boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini kerana simptom ini boleh memudaratkan.

- Sakit perut,
- Sakit belakang,
- Sakit kepala
- Cirit-birit,
- Rasa loya,
- Sembelit,
- Rhinitis
- Gangguan sendi
- Kejang kaki

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems/ Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety*).

Penyimpanan dan pelupusan Feno-TG penyimpanan

Simpan di bawah 30°C , Lindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat yang berwarna jingga dengan lapisan nipis bercembung dua.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Fenofibrate 160 mg

- Bahan tidak aktif

Disodium Edetate, Microcrystalline Cellulose, Sodium Starch Glycollate, Starch, Isopropyl Alcohol, Polyvinylpyrrolidone K-30, Crospovidone, Sodium Lauryl Sulphate, Magnesium Stearate, Talc, Ethyl Cellulose, Hydroxypropylmethyl Cellulose, Lake of Sunset Yellow (Dye Content 12 – 17%), Methylene Chloride, Propylene Glycol, Titanium Dioxide.

- Nombor MAL:

MAL11045012AZ

Pengilang

Troikaa Pharmaceuticals Ltd.
C-1, Sara Industrial Estate, Selaqui,
Dehradun-248197, Uttarakhand, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn Bhd
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

17/07/2022

Nombor siri: NPRA(R2/1)220519/891